

31/10/2001

SPR disyor pinda peraturan penamaan calon

SEORANG penyokong kerajaan mencadangkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meminda peraturan penamaan calon, termasuk menaikkan jumlah wang pertaruhan kepada RM10,000 bagi Dewan Undangan Negeri dan RM30,000 di peringkat Parlimen.

Jimmy Donald (BN-Sri Aman) berkata, pindaan itu perlu supaya mereka yang benar-benar serius mahu berkhidmat kepada rakyat saja dibenarkan menjadi calon pilihan raya.

Beliau membuat cadangan itu selepas mendapati terlalu ramai calon yang bertanding pada pilihan raya di Sarawak bulan lalu, tetapi kebanyakannya tidak serius untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Sesetengahnya hanya mahu mencuba nasib dan ada yang berasa diri mereka popular. Ada calon yang minta dibeli (parti lain) dan ada yang bertujuan memecahbelahkan rakyat selain ditaja oleh orang yang mempunyai tujuan buruk," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2002.

Selain cadangan menaikkan kadar wang pertaruhan, Jimmy turut mencadangkan SPR memudahkan proses pencalonan serta menghapuskan had perbelanjaan pilihan raya yang ketika ini ditetapkan RM30,000 bagi peringkat negeri dan RM50,000 peringkat Parlimen.

"Orang yang tidak ada duit, jika ada had pun tidak boleh belanja. Jika ada wang lebih RM50,000, dia ada pelbagai cara untuk menggunakan wang berkenaan," katanya.

Cadangan itu menarik perhatian pembangkang apabila Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun) bertanya sama ada Jimmy benar-benar serius atau hanya main-main dan sudahkah ia dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jimmy berkata, beliau benar-benar serius apabila menyebutkan perkara itu di dalam Dewan Rakyat dan mengemukakannya kerana Barisan Nasional mempunyai amalan demokrasi yang membenarkan setiap ahlinya menyuarakan pandangan masing-masing, manakala pemimpinnya pula bersikap terbuka.

Ramli Ibrahim (Keadilan-Kota Bharu) kemudian bertanya, tidakkah Jimmy dapat melihat jika cadangan berkenaan dilaksanakan, ia akan menyebabkan politik di Malaysia dimonopoli golongan berada, manakala yang tidak berada tiada tempat dalam pilihan raya.

Jimmy berkata, langkah mengenakan syarat sedemikian perlu bagi mengawal orang yang bertujuan memecahbelahkan rakyat dipilih.

"Jika dengan RM2,000 atau RM3,000 semua orang boleh bertanding dan main-main dalam isu ini," katanya.

Bagaimanapun, Mustafa berpendapat cadangan itu bertentangan dengan hasrat mencegah orang membeli undi kerana ia hanya memberi peluang kepada orang kaya bertanding dalam pilihan raya.

"Apakah Yang Berhormat tidak membuat penyelidikan?" katanya.

Bagaimanapun, Jimmy berkata, Mustafa mempunyai sangkaan terhadapnya apabila mengemukakan soalan sedemikian dan beliau tidak dapat menerimanya sama sekali.

Dalam perbahasan itu, Jimmy turut mencadangkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuka Taman Didikan Kanak-kanak Kemas di kawasan luar bandar serta mengekalkan nama Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kini ditukar kepada Program Kesejahteraan Rakyat (PKR).

(END)